

AMALAN DAN CABARAN PENGURUSAN BIODIVERSITI
HUTAN OLEH PIHAK BERKEPENTINGAN:
KAJIAN KES DI TASIK KENYIR

NORHIDAYU BINTI SIDIK

SARJANA SAINS
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

2019

**AMALAN DAN CABARAN PENGURUSAN BIODIVERSITI
HUTAN OLEH PIHAK BERKEPENTINGAN: KAJIAN KES DI
TASIK KENYIR**

NORHIDAYU BINTI SIDIK

**Tesis Ini Dikemukakan Bagi Memenuhi Syarat Untuk
Ijazah Sarjana Sains Di Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan
Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Terengganu**

2019

Terima kasih tidak terhingga diucapkan kepada seluruh ahli keluarga khususnya suami tercinta - Hazwan Hashim, ayah - Sidik Sulaiman, Ibu - Jamilah Yusof @ Isa, mentua - Hashim Hamzah dan Hindon Ismail dan semua adik beradik serta ipar duai yang sentiasa memahami, sanggup berkongsi kasih sayang, harapan dan pengorbanan untuk saya menyiapkan tesis ini. Tidak lupa ucapan penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada penyelia yang sentiasa membimbing iaitu Dr. Roslina Ismail serta sahabat-sahabat seperjuangan. Penghargaan juga ditujukan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang telah menyokong sebahagian daripada kajian dalam tesis ini melalui geran ERGS vot 55063 dan TRGS vot 59373 yang kedua-duanya diketuai Dr. Roslina Ismail serta Program MyBrain 15.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Malaysia Terengganu sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Sains

**AMALAN DAN CABARAN PENGURUSAN BIODIVERSITI HUTAN OLEH
PIHAK BERKEPENTINGAN: KAJIAN KES DI TASIK KENYIR**

NORHIDAYU BINTI SIDIK

2019

Penyelia Utama : Roslina Ismail, PhD
**Fakulti/Institut : Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan
Sosial**

Kebanyakan negara membangun termasuklah Malaysia, pihak kerajaan sebagai sebahagian daripada pihak berkepentingan telah memberikan komitmen yang tinggi untuk mengurus dan menangani isu biodiversiti hutan. Bagi kajian kes biodiversiti di Tasik Kenyir, matlamat utama kajian adalah untuk meneroka amalan pengurusan biodiversiti hutan oleh pihak kerajaan. Khususnya, ia bertujuan untuk menjelaskan tentang bentuk mekanisme pelaksanaan peraturan regulatif yang diamalkan di Malaysia. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti fungsi aktor formal dan tidak formal serta untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh aktor-aktor ini. Kajian kualitatif ini menggunakan teori analisis institusional dan pembangunan (AIP) dan data primer dikumpulkan dengan menemu bual sembilan orang informan yang terdiri daripada kakitangan kerajaan di negeri Terengganu. Di samping itu, data sekunder juga diperoleh daripada dokumen rasmi kerajaan dan laman sesawang rasmi kerajaan serta bukan kerajaan. Analisis kajian menunjukkan terdapat tiga bentuk mekanisme peraturan regulatif pengurusan biodiversiti hutan yang diamalkan di Tasik Kenyir. Amalan pengurusan tersebut merangkumi bidang kuasa domestik pada peringkat negeri dan persekutuan serta bidang kuasa antarabangsa pada peringkat antarabangsa. Kajian ini mendapati bahawa fungsi aktor formal terbahagi kepada fungsi politik dan fungsi agensi. Bagi aktor tidak formal, fungsi mereka terbahagi kepada fungsi sukarela dan fungsi berasaskan keuntungan. Kajian juga menunjukkan terdapat empat cabaran yang dihadapi oleh aktor iaitu isu pertindihan kuasa, kekurangan kakitangan, keberkesanan penguatkuasaan undang-undang, serta fungsi agensi kerajaan dan pihak berkepentingan. Keseluruhannya, kajian mendapati

bentuk amalan pengurusan biodiversiti hutan oleh pihak berkepentingan di Tasik Kenyir adalah cenderung ke arah pendekatan berpusatkan kerajaan. Walau bagaimanapun, pendekatan tersebut tidak memadai untuk diamalkan secara berterusan kerana Tasik Kenyir masih berhadapan dengan ancaman kemerosotan biodiversiti hutan daripada penumpang percuma (*free riders*). Kesimpulannya, kajian ini mencadangkan beberapa penambahbaikan pengurusan biodiversiti hutan dalam aspek kesedaran pihak kerajaan, pemantauan keselamatan hutan, keberkesanan pelaksanaan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (SLBK), dan pemantauan komitmen rejim biodiversiti antarabangsa. Kajian ini juga menekankan keperluan melaksanakan kajian lanjut pada masa hadapan mengenai polisi biodiversiti hutan di Tasik Kenyir, terutamanya dengan memberikan tumpuan terhadap keberkesanan dan impak polisi, pemantauan komitmen rejim biodiversiti antarabangsa dan ekopelancongan.

Abstract of thesis presented to the Senate of the Universiti Malaysia Terengganu in fulfillment of a requirements for the degree of Masters of Science

**THE PRACTICES AND CHALLENGES OF FOREST BIODIVERSITY
MANAGEMENT BY STAKEHOLDERS: A CASE STUDY OF TASIK
KENYIR**

NORHIDAYU BINTI SIDIK

2019

Main Supervisor : Roslina Ismail, PhD
**Faculty/Institute : Faculty of Business, Economics and Social
Development**

In many developing countries including Malaysia, the government as part of the stakeholders has made significant commitments to managing and addressing forest biodiversity issues. In the case study of biodiversity at Tasik Kenyir, the main objective of the current study is to explore the Malaysian government's forest biodiversity management practices. Specifically, it aims to examine the forms of regulatory rule mechanisms practised in Malaysia. It also seeks to identify the functions of formal and informal actors and to investigate the challenges faced by these actors. This qualitative study is based on the theory of institutional analysis and development (IAD), and primary data were collected by interviewing nine key informants who are government employees in Terengganu. Furthermore, secondary data were obtained from government official documents and both governmental and non-governmental websites. The analysis revealed that three regulatory rule mechanisms of forest biodiversity management are practised in Tasik Kenyir. These practices encompass domestic jurisdiction at both state and federal levels, and also international jurisdiction at the international level. The researcher found that the functions of formal actors are characterised into political and agency functions. Meanwhile, the functions of the informal actors are categorised into voluntary and profit-based functions. Lastly, the found four challenges faced by the actors, namely overlapping power, lack of staff, the ineffectiveness of law enforcement, and the functions of government agencies and stakeholders. Overall, the researcher found

that the nature of forest biodiversity management practices by stakeholders in Tasik Kenyir is inclined towards a government-centred approach. However, such an approach is inadequate to be put into practice as Tasik Kenyir is still facing major threats of forest biodiversity degradation from free riders. In conclusion, this research proposes several improvements in forest biodiversity management regarding government awareness, forest security and international biodiversity monitoring, and effective implementation of National Blue Ocean Strategy (NBOS). This study suggests that further research should be conducted to examine forest biodiversity policies, particularly by focusing on policy effectiveness and policy impact, the monitoring of international biodiversity regime commitments, and ecotourism.